SENARAI SEMAK BURUH KANAK-KANAK & PEKERJA MUDA

Senarai semak ini dihasilkan oleh The Centre sebagai sebahagian daripada projek kerjasama yang dibiayai oleh Kementerian Persekutuan Jerman bagi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (BMZ) dan dilaksanakan oleh Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ) GmbH serta Nestlé. Senarai semak ini selaras dengan keperluan MSPO dan RSPO. Ia disediakan untuk pengurus ladang, penolong pengurus, penyelia ladang, mandor, kontraktor buruh dan kakitangan lain yang bertanggungjawab menyelia pekerja serta memantau keadaan di tempat kerja. Tujuan senarai semak ini adalah untuk membantu mengenal pasti dan mencegah risiko yang menjejaskan kanak-kanak dan pekerja muda dalam operasi perladangan.

Sesetengah perkara dalam senarai semak ini boleh digunakan setiap hari, manakala yang lain hanya digunakan bagi aktiviti tertentu seperti pengambilan pekerja.

Ladang/blok:

Penyelia:

Tarikh:

1. Sebelum Kerja Bermula (Pemeriksaan Harian)

- ◯ Semua pekerja kelihatan berumur 18 tahun ke atas
- ◯ Tiada kanak-kanak di kawasan kerja
- ◯ Tiada anak mengikut ibu bapa atau penjaga ke tempat kerja
- ◯ Kawasan kerja selamat sebelum kerja bermula

JIKA RAGU-RAGU TENTANG UMUR SESEORANG:

✓ Hentikan kerja dan sahkan umur mereka menggunakan kad pengenalan atau dokumen lain.

2. Kanak-kanak (Umur 13–14 Tahun)

(Pemeriksaan Harian)

- ◯ Tiada kanak-kanak di bawah umur 15 tahun bekerja di ladang.
- ◯ Tiada kanak-kanak:
  - Di kawasan kerja
  - Mengangkat buah sawit atau membawa peralatan kerja
  - Berhampiran racun atau mesin

KANAK-KANAK UMUR 13–14 TAHUN HANYA BOLEH:

✓ Membantu dengan kerja rumah atau menjaga adik-beradik mengikut kesesuaian umur

✓ Menyertai aktiviti pembelajaran atau latihan kemahiran dengan penyeliaan

✓ Berada di kawasan yang selamat dan bukan kawasan kerja

Kanak-kanak berumur 13–14 tahun TIDAK BOLEH melakukan sebarang kerja berkaitan pengeluaran kelapa sawit.

3. Pekerja Muda (Umur 15–17 Tahun) – Perlindungan Khas (Pemeriksaan Harian)

Jika terdapat pekerja muda (15–17 tahun), pastikan:

- ◯ Hanya melakukan kerja yang tidak berbahaya
- ◯ Tidak menuai buah sawit atau memotong pelepah
- ◯ Tidak menggunakan peralatan, mesin atau bahan kimia
- ◯ Tidak mengangkat beban berat
- ◯ Tiada kerja malam atau kerja lebih masa
- ◯ Waktu kerja mengikut had undang-undang
- ◯ Menerima gaji yang sama bagi kerja yang sama
- ◯ Telah menerima taklimat keselamatan sebelum mula bekerja

✓ Bekerja maksimum 8 jam sehari (termasuk waktu sekolah dan bekerja)

✗ Tiada kerja antara 8.00 malam hingga 6.00 pagi

4. Kerja Berbahaya (Pemeriksaan Harian)
HENTIKAN KERJA SERTA-MERTA, jika

- ◯ pekerja di bawah 18 tahun melakukan kerja berikut:
  - Menuai buah sawit atau memotong pelepah
  - Mengangkat atau mengangkut buah sawit yang berat
  - Menggunakan parang, pahat sawit atau mesin
  - Mengendalikan racun makhluk perosak atau baja kimia
  - Bekerja di kilang sawit atau bekerja syif malam

Jika Terlihat:

HENTIKAN KERJA DAN LAPORKAN

Laporkan kes ini melalui saluran aduan syarikat atau maklumkan kepada majikan anda. Anda juga boleh merujuk:

Mekanisme Aduan dan Rungutan MSPO
Portal: https://emspo.org.my/public/complaints
Email: complaints@mspo.org.my
Tel: +603 5569 9676

Child Rights Action Hub
Phone: +6017-643 4675 (Janna)
Email: Actionhubmy@childrights-business.org

5. KANAK-KANAK BERADA DI TEMPAT KERJA TAPI TIDAK BEKERJA
(Pemeriksaan Harian)

Jika kanak-kanak ditemui di tapak kerja:

- ◯ Bercakap secara baik kepada ibu bapa atau penjaga
- ◯ Bawa kanak-kanak ke kawasan yang selamat
- ◯ Pastikan mereka berada di rumah, tempat asuhan atau ruang komuniti
- ◯ Maklumkan kepada pengurus ladang

6. Semakan Kebajikan & Keselamatan Asas (Pemeriksaan Harian)

- ◯ Air minuman bersih disediakan
- ◯ Tandas bersih dan boleh digunakan
- ◯ Tempat mencuci tangan disediakan
- ◯ PPE (contohnya kasut dan sarung tangan) disediakan dan dipakai
- ◯ Pekerja tahu cara melaporkan masalah keselamatan

7. Pembekal Tenaga Kerja & Kontraktor (Pemeriksaan Mingguan)

- ◯ Kontrak bertulis disediakan
- ◯ Umur pekerja telah disahkan oleh pihak ladang
- ◯ Pekerja menerima sekurang-kurangnya gaji minimum
- ◯ Tiada potongan gaji yang menyebabkan gaji kurang daripada kadar minimum
- ◯ Tiada pekerja di bawah 18 tahun melakukan kerja berbahaya

8. Semakan Umur Pekerja (Pengambilan Pekerja Baru)

- ◯ Umur disahkan menggunakan dokumen asal
- ◯ Gambar pada kad pengenalan atau pasport sepadan dengan pekerja
- ◯ Tarikh lahir memenuhi syarat umur mengikut undang-undang
- ◯ Salinan dokumen dan kontrak disimpan
- ◯ Umur pekerja yang dibawa oleh kontraktor turut disahkan

JANGAN TERIMA:

- ✗ Pengakuan lisan bahawa pekerja sudah cukup umur.
- ✗ Salinan dokumen tanpa melihat dokumen asal.
- ✗ Alasan "hanya membantu keluarga" untuk membenarkan seseorang bekerja.

9. Apa Perlu Dilakukan Jika Kanak-kanak Berisiko?

A. Jika kanak-kanak bawah umur bekerja:

- ◯ Hentikan kerja serta-merta
- ◯ Bercakap secara baik kepada kanak-kanak dan ibu bapa atau penjaga
- ◯ Jangan menghukum atau mengugut mereka
- ◯ Maklumkan segera kepada pengurus ladang atau pegawai kelestarian
- ◯ Catat kejadian dan buat laporan mengikut prosedur syarikat

B. Jika pekerja muda melakukan kerja berbahaya:

- ◯ Hentikan kerja berbahaya itu serta-merta
- ◯ Alihkan ke tugasan yang selamat
- ◯ Pastikan gaji tidak dikurangkan
- ◯ Maklumkan kepada ibu bapa atau penjaga serta pengurus ladang atau pegawai kelestarian
- ◯ Catat kejadian dan buat laporan mengikut prosedur syarikat

10. Pengakuan Penyelia

Saya mengesahkan bahawa:

- Saya memahami undang-undang berkaitan buruh kanak-kanak dan pekerja muda
- Saya telah memeriksa kawasan kerja hari ini
- Saya telah melaporkan sebarang masalah dengan segera

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini adalah bertujuan sebagai panduan umum sahaja dan tidak boleh dianggap sebagai nasihat perundangan. The Centre tidak menerima sebarang tanggungjawab atau liabiliti berhubung dengan ketepatan, penggunaan, atau pergantungan terhadap mana-mana maklumat yang disediakan.

Child Rights Action Hub
Malaysia

german cooperation
DEUTSCHE ZUSAMMENARBEIT

Implemented by
giz Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ) GmbH

THE CENTRE
FOR CHILD RIGHTS AND BUSINESS